

WADAH

Penyelidikan Dan Inovasi

PUSAT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN INOVASI
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA



Catatan Minda Ketua Editor

Salam sejahtera dan salam sehat! Alhamdulillah, syukur ke hadirat Allah, dapat kita bersua kembali pada tahun baharu ini. Bersama-sama kita hadapi tahun 2016 ni dengan beriapang dada dan harapan membunga agar dapat kita lalui dengan lebih bermakna.

Kreativiti dan inovasi amat diperluarkan untuk melahirkan generasi guru yang berfikir kelas pertama dan kompetitif dalam abad ke-21 ini. Untuk melahirkan generasi muda yang bersedia mencapai kecemerlangan dan bersaing dalam persekitaran yang penuh dengan cabaran, inovasi perlu dibudayakan sebagai salah satu daripada agenda berterusan dalam gelombang transformasi pendidikan. Justeru, edisi pertama Wajah Penyelidikan dan Inovasi ini memberi fokus kepada aktiviti penyelidikan dan inovasi yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2015. Semoga wadah ini menjadi penggerak dan pencetus semangat dan iltizam agar kita lebih berdaya saing dalam tahun yang penuh cabaran ini. Akhir kalam, semoga IPG bergerak sebagai institusi pengajian tinggi yang terus teguh mencipta inovasi dan transformasi pendidikan.

Sekian, terima kasih.

Norsita binti Ali

Kandungan

3. Pengenalan
3. Seminar Penyelidikan
8. Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KKIK), KPM
9. Pertandingan Kreativiti dan Inovasi (CIC), IPGM KPM
11. Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KKIK), IPGM KPM
13. Hari Akademik dan Inovasi Pendidikan IPGKBA
14. Pertandingan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) IPGKTAR
15. Hari Inovasi IPGKS

SECANGKIR BICARA DATO' REKTOR INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA



*Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.*

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, Wadah Penyelidikan dan Inovasi Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Bil. 1/2016 dapat dihasilkan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak khususnya Sidang Editor yang komited menjayakan penerbitan ini buat julung kalinya. Penyelidikan dan Inovasi merupakan salah satu landasan untuk melonjak kecemerlangan Institut Pendidikan Guru (IPG). Oleh itu, wadah ini merupakan bukti kesungguhan dan iltizam dalam memastikan warga IPG sentiasa relevan sebagai sebuah institusi yang mampu melahirkan guru-guru yang inovatif dan kreatif sama ada dalam pengajaran dan pembelajaran atau pengurusan pendidikan. Harapan saya agar Wadah Penyelidikan dan Inovasi ini

dijadikan sebagai ruang untuk menampilkan usaha dan kejayaan warga IPG dalam aktiviti penyelidikan, inovasi dan kreativiti secara berterusan serta mampu membentuk budaya yang dapat memberikan kesejahteraan hidup sejagat. Semoga usaha dan amalan ini memperoleh rahmah dan barakah daripada-Nya. Akhir kata, saya berharap Wadah Penyelidikan dan Inovasi ini akan menyemarakkan lagi semangat para penyarah untuk terus menghasilkan bahan penyelidikan, inovasi dan kreativiti demi meningkatkan kecemerlangan berbekalkan slogan 'Kreativiti Landasan Gagasan Transformasi'. Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Sidang Editor atas usaha menerbitkan wadah ini sebagai rujukan dan santapan minda warga IPG.

Dato' Sulaiman bin Wah

SETITIS TINTA

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN INOVASI (PPPI)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sehati Sejiwa.

Syukur ke Hadrat Ilahi kerana dengan limpah hidayah-Nya, Wadah Penyelidikan dan Inovasi ini dapat diterbitkan. Wadah Penyelidikan dan Inovasi ini menjadi medium penyebaran maklumat khususnya hal yang berkaitan dengan penyelidikan dan inovasi di Institut Pendidikan Guru (IPG). Aktiviti penyelidikan dan inovasi yang dilakukan di IPG khususnya Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KKIK) dan Seminar Pendidikan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 adalah selari dengan transformasi pendidikan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Transformasi pendidikan dalam PPPM (2013-2025) perlu dilakukan bagi melahirkan generasi muda yang mampu berfikir dan mempunyai kelebihan mengadaptasi ilmu bagi menghadapi cabaran pada masa akan datang. Oleh itu, kaedah dan teknik pengajaran perlu diubah dengan memberikan penekanan kepada pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Proses berfikir perlu diberi keutamaan kerana ia berupaya melahirkan generasi yang kreatif, inovatif dan kritis serta bersedia untuk menghadapi zaman yang akan datang. Saya percaya dengan terbitnya Wadah Penyelidikan dan Inovasi ini dapat mencetuskan idea kreatif warga IPG dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Sidang Editor Wadah Penyelidikan dan Inovasi.



Sekian. Terima kasih.

Dr. Rusmini bt. Ku Ahmad

PENGENALAN

Penyelidikan

Dalam konteks pendidikan, penyelidikan penting untuk menambah pengetahuan mengenai isu dalam pendidikan, membantu meningkatkan keberkesanan amalan semasa, membantu kefahaman isu semasa dan meningkatkan kemahiran penyelidikan”.

“Suatu aktiviti sistematik dalam mencari jawapan terhadap persoalan khusus berkaitan dengan sesuatu masalah yang hakikatnya sudah dikenal pasti”

Inovasi

“sesuatu yang baru diperkenalkan yang meliputi kaedah, sistem, adat dan lain-lain”

Dalam erti kata lain inovasi menjurus kepada kaedah atau usaha mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan. Hasil cetusan idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi dan kehidupan masyarakat. Idea-idea tersebut dapat diperoleh dari dalam dan luar atau melalui proses penyelidikan dan pembangunan sebagai idea baharu atau disesuaikan untuk diguna pakai mengikut keperluan jabatan/agensi. Secara prinsipnya, inovasi dapat dihasilkan dalam bentuk produk, perkhidmatan, proses dan penggunaan teknologi.

SEMINAR PENYELIDIKAN PENDIDIKAN KEBANGSAAN (SPPK) 2015

Tarikh	Zon / Anjuran	Tempat	Tema	Bil. Peserta	Bil. Pembentang
4- 6 Mei	ZON TIMUR	IPGK Sultan Mizari, Terengganu	Pendidikan Abad ke-21 Menjana Aspirasi Pelajaran	250	46
29 Julai	ZON SARAWAK	IPGK Batu Lintang, Kuching, Sarawak	Ke Arah Memantapkan Metodologi dalam Penyelidikan Pendidikan	253	46
5-7 Ogos	ZON TENGAH	IPGK Ilmu Khas, Kuala Lumpur	Pendidikan Futuristik Mendukung Ecuti dan Kecemerlangan	250	75
24-26 Ogos	ZON SELATAN,	IPGK Temenggong Ibrahim, Johor Baharu	Dianjurkan sebagai sebahagian daripada Program Ulangtahun Jubli Emas Penubuhan IPG Kampus Temenggong Ibrahim dan dicemari dull oleh ke Bawah DYMM Sultan Ibrahim Ibt Sultan Iskandar, Sultan Johor Darul Takzim		
2-4 Sept	ZON SABAH	IPGK Keningau, Sabah	Memperkasa Pendidikar Menerusi Penyelidikan Kontempoiari	150	72
21-22 Oktober	ZON UTARA	IPGK Tunku Bainun, Pulau Pinang	Inovasi Pemacu Transformasi Dalam Pendidikan	180	76

SEMINAR PENYELIDIKAN PENDIDIKAN KEBANGSAAN ZON SARAWAK

Seminar Kebangsaan Kaedah Kajian dalam Pendidikan (SKKKdP) 2015

SKKKdP 2015 ini telah dilaksanakan dengan jayanya atas kerjasama padu antara IPGK Batu Lintang dengan IPGM serta IPGK Zon Sarawak dengan memberi fokus kepada perkaedahan atau metodologi dalam penyelidikan pendidikan. Ucaputama bertajuk “Metodologi Penyelidikan Pendidikan: Mengapa dan Bagaimana” (*The way and how of educational research methodology*) telah disampaikan oleh YBhg. Datu Dr. Hj. Adi Badiozaman Tuah, Pengarah, Biro Perkhidmatan Pendidikan, Majlis Islam Sarawak. Ucapan Dato’ Rektor IPGM semasa Majlis Penangguhan Rasmi SKKKdP 2015 telah dibacakan oleh Timbalan Pengarah IPG Kampus Batu Lintang, Kuching, Encik Jamiran Bin Salam. Seramai 253 orang peserta termasuk 75 pembentang kertas kerja telah mengambil bahagian dalam seminar ini.

*“budaya penyelidikan
mesti sentiasa berada
di hadapan dalam
konteks penerokaan
dan pencarian serta
pengamalan ilmu-ilmu
baharu”*

(Dato’ Rektor)



SEMINAR PENYELIDIKAN PENDIDIKAN KEBANGSAAN ZON TENGAH

Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan (SPPK) Zon Tengah telah dilaksanakan di IPG Kampus Ilmu Khas (KIK) pada 5 hingga 7 Ogos 2015. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah ucapan utama, forum, perbincangan meja bulat dan pembentangan kertas kerja. Ucapan utama bertajuk “Menangani Jurang Dalam Membangunkan Guru Untuk Menghadapi Cabaran Murid Masa Kini” telah disampaikan oleh Timbalan Rektor IPGM, Dr. Noriati A. Rashid yang turut membacakan teks ucapan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mary Yap Kain Ching. Prof. Datuk Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah O.K. Rahmat, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) Universiti Kebangsaan Malaysia

(UKM) turut menyampaikan ucapan utama pada hari tersebut. Ahli panel forum pula terdiri daripada Encik Shaari bin Osman, Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPG KIK), Datuk Dr. Hussein Ahmad, Felo Penyelidik Kanan, Jabatan Pengurusan, Perancangan dan Dasar, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM) dan Prof Madya Dr. Zaida Mustafa, Dekan Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, *UNITAR International University*. Sebanyak 15 resolusi bagi memperkasa dan memantapkan tahap profesionalisme pensyarah, siswa pendidik dan IPGM telah dibentangkan oleh Ketua Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, IPG KIK, Santhi Periasamy.

Dari kiri; Zaida, Hussein dan Shaari serta moderator, Amiruddin Zainuddin pada sesi dialog dengan pensyarah IPG KIK



“perkara paling utama perlu ada dalam diri pendidik ialah kecintaan terhadap profesion keguruan agar proses pdp berjalan lancar, manakala pelajar mudah menerima setiap ilmu dicurahkan”

(Zaida Mustafa)

“Peranan guru perlu lebih fokus kepada pelajar... Mereka perlu bertindak sebagai pembina atau pereka bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran (pdp), kreatif, unik, interaktif serta mampu menarik minat pelajar”.

(Shaari Osman)

“pendidik perlu benar-benar menjiwai profesion keguruan, seterusnya mengubah corak berfikir dan membuat anjakan paradigma supaya relevan dengan perkembangan semasa”

(Datuk Dr Hussein Ahmad)

RESOLUSI SEMINAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN ZON TENGAH 2015

Menyedari tentang kepentingan pendidikan futuristik ke arah mendukung ekuiti dan kecemerlangan, seminar SPPK 2015 bersetuju menggariskan resolusi seperti berikut :

- 1 Memperkasakan penggunaan dwibahasa dalam kalangan pensyarah dan siswa pendidik melalui pelbagai strategi
- 2 Meningkatkan kompetensi pensyarah dalam dwibahasa melalui program peningkatan profesionalisme
- 3 Memperkasakan amalan pedagogi inklusif ke arah meraikan pelbagai perbezaan yang wujud dalam kalangan pelajar
- 4 Merealisasikan transformasi pendidikan guru berdasarkan penyelidikan
- 5 Mengoptimumkan usaha penyelidikan khasnya dalam bidang berkaitan dengan kemahiran berfikir dan kualiti guru masa kini
- 6 Meningkatkan kompetensi guru baharu seiring dengan keperluan pendidikan futuristik
- 7 Memberi keutamaan kepada latihan yang berteraskan kepada kepelbagaian kompetensi di peringkat latihan praperkhidmatan dan memastikan guru terus kekal berkualiti melalui pembangunan profesionalisme secara berterusan
- 8 Menyesuaikan pembangunan profesionalisme berterusan (CPD) untuk menyokong pembangunan keupayaan dan kemajuan kerjaya pensyarah berpandukan pelan pembangunan profesionalisme yang sedia ada.
- 9 Memantapkan program-program yang berkaitan dengan jati diri, etika dan kerohanian guru
- 10 Memberi keutamaan kepada kemahiran insaniah dalam menyediakan siswa pendidik untuk berhadapan dengan murid, ibu bapa dan masyarakat masa kini
- 11 Mengoptimumkan kebolehan mereka bentuk pengalaman pembelajaran (*Designing learning experiences*) yang bermakna untuk semua murid
- 12 Memastikan usaha yang relevan diambil untuk meneliti semula hala tuju IPGM agar dapat dihayati oleh semua warga IPG
- 13 Menterjemahkan aspirasi kepada tindakan berdasarkan kepada hala tuju IPGM yang telah ditetapkan
- 14 Memastikan usaha tranformasi IPGM bukan sahaja bercorak sistemik supaya merangkumi semua peringkat dan tidak berlaku defisit dalam implementasi
- 15 Memastikan perubahan daripada Pendidikan untuk Semua kepada Pendidikan Berkualiti untuk Semua

SEMINAR PENYELIDIKAN PENDIDIKAN KEBANGSAAN ZON SABAH

Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan IPG Zon Sabah 2015 yang berlangsung selama tiga hari bermula 2 hingga 4 September 2015 buat julung kalinya telah diadakan di Dewan Tan Sri Suffian Koroh, IPG Kampus Keningau, Sabah. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sulaiman bin Wak, Rektor, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Seminar ini telah berjaya menarik sebanyak 150 peserta dan 72 pembentang kertas kerja.



**“Memperkasa
Pendidikan
Menerusi
Penyelidikan
Kontemporari”**

SEMINAR PENYELIDIKAN PENDIDIKAN KEBANGSAAN ZON UTARA

Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan Peringkat Zon Utara telah diadakan pada 21 hingga 22 Oktober 2015 yang bertempat di IPG Kampus Tunku Bainun. Dua orang tokoh telah yang dijemput untuk memberi ucapan iaitu Profesor Madya Dr. Supyan Hussin dari UKM pada hari pertama, 21 Oktober 2015 (Rabu) dan Dr. Hj. Rusmini binti Ku Ahmad Pengarah Pusat Penyelidikan Inovasi IPGM pada hari kedua, 22 Oktober 2015 (Khamis). Seramai 180 orang yang terdiri daripada AJK seminar (52 orang), pembentang dan peserta telah menghadiri seminar ini. Sebanyak 76 kertas penyelidikan telah dibentangkan dalam tiga sesi pembentangan.



**“Inovasi
Pemacu
Transformasi
dalam
Pendidikan”**

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KKIK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

KKIK KPM telah diadakan di IPG Kampus Bahasa Antarabangsa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur pada 7 hingga 19 November 2015 bertemakan Merealisasi Transformasi: Memperkasakan Inovasi, Menjulung Produktiviti.

Objektif KKIK

1. Pengiktirafan dan penghargaan kepada pemenang Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dalam penghasilan projek yang bermanfaat kepada warga KPM.
2. Menggalakkan penubuhan KIK di Bahagian/Jabatan KPM.
3. Medan pertukaran fikiran dalam kalangan peserta dan pemerhati konvensyen untuk mempertingkatkan produktiviti kerja.
4. Memilih kumpulan KIK yang terbaik untuk mewakili KPM dalam pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sebanyak 26 kumpulan telah berjaya menyertai pertandingan ini yang terdiri daripada 16 kumpulan daripada Kategori Pengurusan dan 10 kumpulan daripada Kategori Teknikal. IPGM telah diwakili oleh Kumpulan KEME dari IPG Kampus Ipoh dan NILA-i dari IPG Kampus Sultan Mizan Terengganu. Kumpulan KEME telah menjadi kebanggaan IPGM kerana telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan KIK KPM 2015.

Falsafah KKIK.

KKIK menekankan aspek pembangunan sumber manusia dengan menitikberatkan perkara-perkara berikut:

1. Kesedaran pengurusan terhadap kepentingan penyertaan pekerja atau kakitangan dalam menyumbang kepada pembangunan sesebuah organisasi.
2. Mewujudkan tenaga kerja berkualiti yang memberi kesan secara langsung kepada prestasi organisasi.
3. Sokongan daripada pihak pengurusan menggalakkan pekerja berusaha bersungguh-sungguh dalam menyumbang produktiviti.



KEME

KUMPULAN EFEKTIF MENJANA EVOLUSI
TEMPAT KETIGA daripada 10 kumpulan
Kategori Pertandingan: Teknikal
Hadiah: RM 2000.00

PERTANDINGAN KREATIVITI DAN INOVASI (CIC) IPGM PERINGKAT KEBANGSAAN 2015

“Kreativiti dan Inovasi Penjana Peningkatan Profesionalisme Keguruan”

Tarikh : 11 - 13 Oktober 2015
Tempat : IPGK Pulau Pinang
Penyertaan : 1. Pensyarah - dari 25 buah IPGK
2. Pelajar - dari 26 buah IPGK

Kepentingan:


Medan usaha penyelidikan dan mereka cipta inovasi baru dilakukan sebelum inovasi dapat dipersembahkan secara professional.

Matlamat Pertandingan

1. Melahirkan pensyarah dan pelajar yang mampu menghasilkan inovasi dalam pelaksanaan kurikulum dengan cara memantapkan budaya inovasi
2. Memberikan pengiktirafan dan penghargaan secara formal kepada pensyarah dan pelajar IPG yang berjaya menghasilkan inovasi pendidikan seterusnya menatarkan hasil inovasi mereka agar memberikan impak dan manfaat secara langsung kepada dunia pendidikan



Perasmian penutupan dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Amin bin Senin, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia



ATOK (Aktiviti Teater Ombromanie Kanak-kanak) yang dihasilkan oleh Mimma Sayuti binti Mat Khalid dari IPG Kampus Bahasa Melayu telah berjaya merangkul anugerah Emas seterusnya menjuarai pertandingan bagi kategori pensyarah. Projek inovasi bertajuk *Future BOHO* yang mewakili IPG Kampus Ilmu Khas juga telah menerima anugerah Emas yang melayakkannya menjuarai pertandingan bagi kategori guru pelatih.

Pemenang Kategori Pensyarah (Anugerah Emas)

Nama Projek	IPG	Kedudukan
Aktiviti Teater Ombromanie Kanak-Kanak (ATOK): Pakej Pembelajaran untuk Kreativiti)	IPGK Bahasa Melayu	1
BungaKu PenunjukKu	IPGK Pulau Pinang	2
Penggunaan Tetulang Pecahan dalam Penambahan dan Penolakan Pecahan	IPGK Perempuan Melayu Melaka	3
Salak – Cetusan Idea	IPGK Pendidikan Islam	
Sari Membantu Masalah Menulis	IPGK Pendidikan Teknik	
Kit Penukar Unit Operasi Tambah/Tolak	IPGK Ipoh	

Pemenang Kategori Pelajar (Anugerah Emas)

Nama Projek	IPG	Kedudukan
FUTURE BoHo	IPGK Ilmu Khas	1
MasterCap	IPGK Sarawak	2
Keluarga 'u' dan 'n' Ajaib (Bahan Bantu Mengajar Mengenai Huruf)	IPGK Perlis	3
Kit Inspektor	IPGK Temenggong Ibrahim	



"ATOK"

Inovasi yang dihasilkan untuk menggalakkan kreativiti terutamanya seni imaginasi dan mengembangkan kemahiran seni bercerita dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Elemen Ombromanie dalam ATOK memerlukan pelajar menggunakan daya imaginasi melalui penggunaan tangan sebagai bayang-bayang.



"FUTURE BoHo"

Alat yang membantu untuk memegang halaman buku bagi memudahkan proses pembacaan dilakukan

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KKIK), IPGM

“Generasi yang mempunyai pemikiran yang kreatif, inovatif dan kritis mampu menyelesaikan masalah, mempunyai pemikiran yang bernas dan luar dari kotak”

(Datuk Seri Najib bin Tun Abdul Razak)

Pusat Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (PPPI) IPGM, telah menganjurkan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KKIK) 2015 pada 11 hingga 13 Ogos di Hotel Nouvelle, Seri Kembangan. KKIK buat julung kalinya telah dianjurkan pada tahun 2013 secara berkolaboratif dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebelum menganjurkannya secara bersendirian pada tahun 2014.

Tema: Kreativiti Landasan Gagasan Transformasi

“Pendidik yang kreatif dan inovatif dapat menghasilkan generasi masa depan yang berkualiti dan berdaya saing” selari dengan PPPM



Ciri-ciri Projek KIK

Kategori Pengurusan

- Berkaitan dengan penyelesaian masalah pentadbiran atau pengurusan sistem dan prosedur kerja.
- Contoh, penggabungan borang permohonan, lesen komposit, pengenalan borang, pelaksanaan prosedur kerja, pengenalan sistem kerja baharu atau pengubahsuaian sistem lama kepada sistem baharu.
- Dapat menjimatkan masa, meningkatkan kepuasan hati pelanggan serta faedah lain.

Kategori Teknikal

- Berkaitan dengan bidang pengetahuan tertentu seperti pedagogi dalam pendidikan, kejuruteraan, seni perusahaan dan sains gunaan.
- Contoh, penciptaan peralatan baharu, pengubahsuaian reka bentuk peralatan lama kepada yang baharu, pembangunan sistem komputer atau perisian komputer, perubahan dalam penggunaan bahan atau komponen kimia dan
- perwujudan kaedah baharu untuk kecekapan dan kebebasan tugas.

Guru Inovatif Melonjakkan Transformasi Negara

Para pendidik hari ini mempunyai tanggungjawab yang berat dalam menyediakan sumber tenaga manusia yang mampu menghadapi cabaran masa hadapan khususnya ke arah Wawasan 2020. Oleh itu program seumpama ini dapat memupuk minat dan mencungkil bakat serta kreativiti pensyarah dan pelajar IPG. Ilmu dan inovasi yang dihasilkan dapat diterapkan dalam menyediakan modal insan yang berkualiti selaras dengan Wawasan 2020 yang dicita-citakan.

BIL	NAMA KUMPULAN	NAMA PROJEK	IPG	KEDUDUKAN PEMENANG
1	KEME	Tempoh penyediaan analisis kehadiran pelajar ke kuliah mengambil masa yang lama	Kampus Ipoh	Tempat Pertama
2	KUIK	Pukulan servis tinggi badminton yang lemah dalam kalangan siswa guru PISMP gerko badminton IPGKIK	Kampus Ilmu Khas	Tempat Kedua
3	PROKIEP	Kes ketidakakuran yang tinggi dalam kalangan pensyarah semasa audit MS ISO 9001 PT05 di IPG Kampus Tuanku Bainun	Kampus Tuanku Bainun	Tempat Ketiga & Persembahan Terbaik
4	Nilai-i	Penilaian-i : Membantu pengurusan penilaian secara berkesan	Kampus Sultan Mizan	
5	CouFeeT	Menerajui pengurusan pentaksiran berkualiti	Kampus Keningau	
6	INTIP	Kit 3S (Super Smart Solat)	Kampus Sultan Abdul Halim	



HARI AKADEMIK DAN INOVASI PENDIDIKAN IPGK BAHASA ANTARABANGSA (IPGKBA)

ANJURAN: Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan (JPIPK), Jawatankuasa Akademik, Jabatan Antarabangsa dan Korporat serta Jabatan Teknologi IPGKBA pada 10-11 Ogos 2015.

Objektif: Pelajar dan pensyarah dapat:

1. Mengaplikasikan teori dalam pdp.
2. Berkongsi pengetahuan dan *beyond or next practices*, amalan pedagogi terkini dalam kalangan para pendidik.
3. Memupuk amalan strategi transformasi dalam pdp.
4. Menghasilkan produk/bahan bantu mengajar yang kreatif dan inovatif.

Tentatif

1. Program LPS *Touronkai*
2. Ucaputama oleh Professor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak "Pendidikan Abad Ke-21"
3. Pertandingan Inovasi Pendidikan Kategori Pensyarah dan Pelajar

4. Pertandingan Laman Pembelajaran Maya (*Frog VLE*)
5. Pameran Akademik

Aktiviti :

- *Story Telling* dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dan Kuiz Interaktif. Seramai 100 orang murid dari SK Bangsar, SK Bukit Bandaraya dan SK Bukit Pantai telah dijemput untuk menyaksikan pameran dan mengambil bahagian.
- Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengadakan pameran Ujana Buku dan turut menyumbangkan buku-buku terbitan DBP untuk dijadikan sebagai cenderamata tetamu jemputan dan hakim pertandingan.
- Majlis penutupan Hari Akademik dan Inovasi Pendidikan IPGKBA 2015 telah disempurnakan dengan pelancaran Portal Penyelidikan IPGKBA oleh Dr. Hj. Rusmini binti Ku Ahmad, Pengarah Pusat Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Tema: "Pembelajaran
Abad 21"



PERTANDINGAN INOVASI PdP ke-6 2015 IPG KAMPUS TUN ABDUL RAZAK

Tarikh: 18 Ogos 2015
Tema : "Memperkasakan Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Inovasi"

Matlamat

- Meningkatkan daya kreativiti dan inovasi pensyarah dan pelajar dalam bidang pdp.
- Memantapkan budaya inovasi dalam kalangan pensyarah dan pelajar.

Penyertaan

Sebanyak tujuh pasukan pensyarah dan empat belas pasukan pelajar telah mengambil bahagian dalam pertandingan inovasi tersebut.

Perasmian pembukaan disempurnakan oleh Pengarah IPG Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR) Puan Hamsiah binti Abdullah Masni manakala perasmian penutupan pula telah

disempurnakan oleh Timbalan Pengarah IPGKTAR, Dr. Hajah Rahmah binti Murshidi.

Impak

Inovasi pdp pensyarah dan siswa guru kali ini menunjukkan peningkatan dalam aspek kualiti. Penglibatan dan sokongan daripada pensyarah dan pelajar jelas menunjukkan peningkatan dan pemantapan pembudayaan inovasi pdp dalam kalangan warga IPGKTAR.



HARI INOVASI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS SARAWAK (IPG KS)

Hari Inovasi IPGKS telah diselenggarakan oleh Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan pada 14 Ogos 2015. Tujuan aktiviti ini diadakan untuk memupuk kreativiti dan inovasi dalam kalangan pensyarah, staf pengurusan dan pelajar dalam menyelesaikan masalah pembelajaran, pengurusan dan perkhidmatan. 24 bahan inovasi berbentuk pedagogi atau produk telah dipertandingkan antaranya *Master Cap, Idea, Round Compass Cutte, Creative Backdrop, Papier Mache, Maggic Bottle, DIY Lamp* dan

sebagainya.

Matlamat

- *platform* kepada pensyarah dan pelajar untuk mendalami bidang pedagogi,
- meneroka idea-idea baharu yang kreatif dan inovatif ke arah peningkatan kualiti pendidikan negara,
- memilih wakil ke pertandingan inovasi peringkat kebangsaan.



Penghargaan dan terima kasih kepada semua penyumbang bahan dan pelaporan WPI BIL.1/2016

1. Dr Shamsul Nizam bin Kachi Mohiden
2. En. Mohd Tahkim bin Zulkipli
3. Dr. Hu Laey Nee
4. Cik Tai Nyuk Lian
5. Cik Zaleha binti Musa

Pusat Penyelidikan dan Inovasi, IPGM
Pusat Penyelidikan dan Inovasi, IPGM
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak



En.Shaari menyampaikan Resolusi Seminar kepada YBrs. Dr. Noriati di majlis penutupan SPPK IPGKIK 2015.

Sidang Redaksi

Penaung

YBhg. Dato' Sulaiman bin Wak
Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia

Penasihat

Dr. Hj Rusmini binti Ku Ahmad
Pegawai
Pusat Penyelidikan
Pembangunan dan Inovasi IPGM

Dr. Ibrahim bin Mohamed Zin
Ketua Penolong Pengarah
Pusat Penyelidikan Pembangunan
dan Inovasi IPGM

Ketua Editor & Grafik

Pn. Norsita binti Ali
Penolong Pengarah
Pusat Penyelidikan
Pembangunan dan Inovasi IPGM

Editor

Pn. Yuznaili binti Saleh (PPPI)
Pn. Noorizan binti Baba (IPGKBM)
En. Zawahir bin Ismail (IPGKBM)



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU
MALAYSIA**
KEMENTERIAN PENDIDIKAN Malaysia
Ara 1-3, blok 2250
Jalan Usahawan 1,
63000 Cyberjaya
Telefon: +603-83126666
Faks: 603-83126655

ISSN 0127-9599



9 770127 959000